

Utusan

Penyebar Fikiran Rakyat

MALAYSIA

www.utusan.com.my

Mega
Suharto
daripada
koperal
kepada
Presiden



SELASA 29 JANUARI 2008

Ekonomi | 21 Utusan
MALAYSIA

Sel stem jana pendapatan RM1b kepada Pahang

KUALA LUMPUR 28 Jan. – Kerajaan Negeri Pahang dijangka mampu memperoleh pendapatan lebih daripada RMI billion menjelang 2011 dengan pelaksanaan projek pembuatan sel stem di bawah program pembangunan Wilayah Koridor Pantai Timur (ECER).

Menteri Besarnya, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, projek itu membabitkan penternakan koloni arnab sehingga generasi ke-26 untuk tujuan pengkulturan dan pembuatan sel stem.

Projek pembangunan sel stem itu adalah usahasama terbesar dalam ECER antara BCRO Stem Cell Xenotransplantation Sdn. Bhd., (BCRO), sebuah syarikat yang berpejabat di Amerika Syarikat dengan anak syarikat Kerajaan Negeri Pahang - Technology Resources Sdn. Bhd., (PTRSB).

BCRO adalah sebuah syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) yang memiliki kepakaran dalam bidang pengkulturan sel stem sejak tiga dekad lalu.

"Dengan perjanjian tersebut, Malaysia kini menjadi hab dunia untuk menternak arnab bagi tujuan pengkulturan dan pembuatan sel stem.

"Projek usahasama ini bukan sahaja akan menambah pendapatan kerajaan negeri, malah akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dalam

jangka panjang," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara BCRO dengan PTRSB.

Katanya, Pahang telah memperuntukkan tanah seluas 80 hektar di Janda Baik bagi menjayakan projek tersebut termasuk 12 hektar untuk menternak arnab, lapan hektar untuk mendirikan bilik-bilik makmal, pembuatan, penyimpanan dan rangkaian penyejukan, empat hektar lagi akan dibangunkan sebagai kawasan penempatan pakar-pakar dan pekerja.

Baki 56 hektar lagi akan dikekalkan sebagai kawasan penampungan bagi pembangunan kemudahan akan datang, ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, untuk permulaan kedua-dua syarikat akan membangunkan tanah seluas 20 hektar terlebih dahulu.

Tambah beliau, operasi BCRO akan dimulakan beberapa bulan lagi dan hanya beroperasi sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun lagi apabila semua kemudahan bagi projek pengkulturan dan pembuatan sel stem siap sepenuhnya.

Pengarah Operasi BCRO, Mike Chan berkata, BCRO memilih Malaysia kerana kedudukannya yang strategik daripada segi logistik.

Katanya, projek yang dijangka menelan kos sebanyak RM280 juta dalam tempoh



ADNAN Yaakob melihat model projek pembuatan sel stem yang akan dibangunkan di Janda Baik, Pahang, di Kuala Lumpur, semalam

tiga tahun itu akan memindahkan kepakaran teknikal oleh saintis dari Kesatuan Eropah dan Amerika.

Sehingga kini, BCRO membekalkan sel stem kepada doktor dan hospital di utara dan selatan Amerika, Eropah, Afrika, Asia

dan Australia.

"Kami merancang untuk mengeksport bekalan koloni arnab dari Janda Baik untuk keperluan transplan di seluruh dunia kerana operasi kami di sini adalah yang terbesar di Asia," katanya.